



MASUM FASA II - UPM Bolot 4 Emas Taekwondo, 3 Emas Boling Padang dan Emas Bola Keranjang Wanita



Pasukan bola keranjang wanita UPM.

NILAI, 30 Mei – Empat atlit Taekwondo UPM berjaya meraih empat pingat emas acara Sparing dan Poomsae dalam Kejohanan Sukan Masum 2010 Fasa 2 dari 23 hingga 30 Mei lalu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini.

Pingat Emas disumbangkan oleh Nicholas Nathan dalam acara Sparing Middle Lelaki, Nur ‘Amirah Inani Sabri (Sparing Fin Wanita), Rachel Chua Yin Tse (Poomsae Individu Wanita) dan Pommsae Wanita berkumpulan. Gangsa disumbang melalui acara Sparing Light lelaki.

Sementara itu seperti yang dijangkakan, pasukan Bola Keranjang Wanita UPM mempertahankan pingat emas 3 tahun berturut-turut dengan mengalahkan Universiti Utara Malaysia (UUM) 62 -32 di Stadium Tertutup Nilai.

Ketua pasukan, Claudine Kok Hui Yinn berkata kemenangan dicapai hasil persiapan awal pasukan yang berjaya menunjukkan prestasi yang baik.

Pasukan Boling Padang Wanita UPM menambah koleksi pingat emas apabila berjaya merangkul tiga pingat emas sementara pasukan Boling Padang Lelaki UPM menyumbang tiga pingat gangsa.

Sebanyak 8 acara dipertandingkan dalam Fasa 2 iaitu Boling Padang, Bola Baling, Bola Keranjang, Catur, Futsal, Pencak Silat, Taekwondo, Bola Sepak dan Bola Jaring.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Khairul Ikhwan Shah 'wartawan pelatih' 03-89466014).